

# Mengubah Sabah jadi

u.m 23/01/08 MIS 10

Oleh JAMDI NASIR  
(WARTAWAN UTUSAN)



negeri Sabah.

“Pelancaran SDC ini amat signifikan bagi Sabah dengan objektif utama menjana pembangunan negeri agar selari dengan pembangunan di Semenanjung.

“Ia juga bagi memacu pembangunan seimbang di kalangan rakyat negeri sekali gus mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar,” katanya.

Musa berkata, matlamat SDC juga bagi memastikan pengurusan secara mapan ke atas sumber-sumber negeri, membangunkan sektor pelancongan dengan memperkenalkan sosiobudaya dan keindahan alam semula jadi serta mewujudkan penyelidikan agrobio secara lebih agresif.

Beliau menarik perhatian mengenai tiga prinsip utama pelaksanaan SDC iaitu menguasai nilai yang lebih tinggi dalam aktiviti ekonomi, mempromosi pembangunan ekonomi dengan pengagihan seimbang dan menentukan pembangunan secara mapan bagi pemuliharaan alam sekitar.

“Makna SDC kepada rakyat negeri Sabah ialah apabila terdapat jurang yang ketara akibat pembangunan ekonomi, berlaku keadaan sesetengah orang tertinggal di belakang, manakala yang lain terus ke hadapan.

**Melihat kepada prestasi ekonomi Sabah tahun kebelakangan ini, Sabah perlu berusaha untuk menukar v**

**PROJEK** Koridor Pembangunan Sabah (SDC) mula menjadi sebutan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan pada awal Julai tahun lalu bahawa satu pelan pembangunan komprehensif akan turut diwujudkan di Malaysia Timur.

Ia adalah rentetan pelancaran pelan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor awal tahun lalu yang jelas mampu membangkitkan pertumbuhan ekonomi secara lebih pantas khususnya melalui penyertaan pelabur asing.

Selapas itu, dilancar projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang meliputi Kedah, Perlis, Seberang Prai dan Perak Utara yang diterajui oleh Sime Darby Bhd. bagi menjana ekonomi negeri-negeri terbabit.

Tidak lama kemudian pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang yang digerakkan oleh Petronas pula dilancarkan.

Pembentukan tiga wilayah koridor ekonomi itu dicadangkan di dalam Bajet 2007 yang antara lain bertujuan mengurangkan jurang pertumbuhan ekonomi antara wilayah serta antara bandar dan luar bandar.

Atas objektif itu, Abdullah melihat bahawa negeri di bawah bayu ini juga perlu mempunyai satu pelan pembangunan komprehensif agar nasib rakyat khususnya di pedalaman dan luar bandar tidak terpinggir.

Kesungguhan beliau terserlah ketika berada di Sandakan pada 9 Ogos lalu untuk mendengar sendiri taklimat mengenai rangka awal pelan tersebut dan memberi beberapa pandangan supaya ia diperincikan lagi sebelum diputuskan.

Malah beliau berjanji, SDC akan dilancar selewatnya sebelum akhir tahun lepas bagi memastikan program pembangunan khusus kepada rakyat Sabah dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Biarpun sedikit terlewat, pelancaran SDC akhirnya dimuktamadkan hari ini di Pelabuhan Kontena Sepanggar, yang terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar raya Kota Kinabalu.

Tentu sekali majlis pelancaran SDC itu amat ditunggu-tunggu oleh banyak pihak di Sabah khususnya kepimpinan kerajaan negeri yang begitu mengharapkan proses pembangunan di negeri ini setanding dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman semasa membuat pengumuman mengenai dasar dan hala tuju SDC minggu lalu tidak dapat menyembunyikan rasa gembira apabila dapat merealisasikan pelancaran projek mega pembangunan koridor itu.

SDC ditonjolkan dengan logo berbentuk

Gunung Kinabalu yang mempunyai empat jalur iaitu kuning, biru, hijau dan merah. Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Asia Tenggara adalah lambang kemegahan negeri Sabah.

Empat lapisan gunung tersebut adalah simbol pemacu negeri ke arah fasa pembangunan baru yang lebih dinamik dan berdaya saing. Empat lapisan itu mewakili komponen pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik.

Warna kuning keemasan adalah lambang penajanaan kekayaan yang ada di negeri Sabah, manakala biru menunjukkan kekayaan sumber hidupan laut dengan persisiran pantai yang indah sepanjang 1,440 kilometer.

Warna hijau pula menggambarkan kekayaan sumber alam semula jadi terutama biodiversiti negeri Sabah dan industri pembuatan hijau. Sementara warna merah melambang kegigihan rakyat negeri ini dan peranan mereka dalam pembangunan untuk mencapai wawasan SDC.

Tiga jalur berwarna putih antara empat lapisan tersebut melambang tiga subwilayah yang terdapat dalam pelan SDC dan warna biru gelap pada tulisan SDC mencerminkan integriti dan amalan urus tadbir yang baik dalam melaksanakan agenda pembangunan



**PROGRAM** membangunkan ekonomi Sabah turut meliputi sektor pelancongan. Gambar per Sabah.

# hab ekonomi

“Oleh itu kita ingin membawa rakyat yang selama ini merasa tersisih untuk sama-sama menikmati kemajuan pembangunan dan tidak akan ada lagi rakyat ketinggalan. Setiap orang akan diberi peluang turut serta menikmati kemajuan,” ujar beliau.

Tiga wilayah yang disebut merangkumi daerah-daerah di timur, barat dan tengah Sabah. Tengah adalah termasuk daerah yang terletak di kawasan pedalaman.

## Matlamat

Pembangunan projek jangka panjang selama 18 tahun bermula tahun ini akan dilaksanakan secara holistik seiring dengan matlamat hala tuju yang digariskan oleh kerajaan negeri dalam membangunkan Sabah sebelum ini. Melihat kepada prestasi ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Sabah sebenarnya telah bersedia untuk menukar wajah menjadi sebuah wilayah yang pesat membangun.

Ekonomi negeri Sabah juga semakin kukuh khususnya apabila melihat kepada pencapaian kutipan hasil negeri yang melebihi RM2 bilion pada 2006.

Ekonomi semasa sejak beberapa tahun sebenarnya telah bersedia untuk menukar wajah menjadi sebuah wilayah yang pesat membangun

Simpanan negeri juga meningkat daripada RM845.7 juta pada 2005 kepada RM1.18 bilion pada 2006. Sehingga September lalu, angka itu terus bertambah kepada RM2.33 bilion.

Senario itu membolehkan kerajaan negeri menyediakan peruntukan terbesar dalam sejarah pembentangan bajet tahunannya apabila menyediakan RM2.3 bilion bagi meneruskan momentum pembangunan negeri.

Ternyata di bawah kepimpinan Musa yang berlatar belakang seorang ahli perniagaan, landskap ekonomi negeri Sabah semakin menarik khususnya dalam usaha meningkatkan jumlah pelaburan dalam industri pembuatan di negeri ini.

Sepanjang lima bulan pertama tahun lalu, kerajaan negeri menerima pelaburan 27 projek bernilai RM2.4 bilion. Lima daripada projek berkenaan adalah dalam kategori kimia dengan jumlah pelaburan semuanya RM228 juta.

Kerajaan negeri juga menerima pelaburan tertinggi di dalam kategori pulpa dan kertas sebanyak RM1.9 bilion berikutan pembelian Sabah Forest Industries Sdn. Bhd.

Sementara itu sehingga tahun ini kawasan Kelompok Industri Kelapa Sawit (POIC) Lahad Datu, menerima pelaburan RM1.78 bilion melibatkan 17 buah syarikat yang terlibat dengan industri hiliran kelapa sawit seperti biodiesel dan baja.

Rangsangan ekonomi juga semakin terasa melalui projek berkala besar seperti Terminal Minyak dan Gas (SOGT) di Kimanis yang kini dalam proses pembinaan dijangka bakal membuka satu lagi peluang baru kepada rakyat Sabah.

Semua itu menjadikan Sabah bakal muncul sebagai hab baru ekonomi kepada rantau ASEAN. Ini berikutan kedudukannya yang begitu strategik bagi Kawasan Pertumbuhan ASEAN yang merangkumi Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Menyentuh mengenai sikap parti pembangkang yang melihat SDC sebagai suatu gimik politik khususnya dalam keadaan negeri bakal berhadapan dengan pilihan raya, Musa berkata, itu adalah kenyataan golongan yang tidak bertanggungjawab serta kecewa.

Memang wajar jika dicap golongan tersebut sebagai tidak bertanggungjawab kerana apa yang diperjuangkan oleh kerajaan negeri ialah untuk membela nasib rakyat terutama dalam usaha mengeluarkan sebilangan rakyat daripada kepompong kemiskinan.

Oleh itu, projek SDC ini bukan sahaja perlu disokong, malah rakyat sewajarnya berusaha bersama-sama memikul tanggungjawab agar pelaksanaannya nanti dapat mencapai sasaran.

“Harapan saya ialah rakyat Sabah menyema projek ini dengan hati terbuka, gembira dan bersyukur. Ia adalah demi kebaikan rakyat Sabah,” ulang Musa lagi.